

## Untuk Siaran Segera



### **RESIDENSI WOODFORD ESTATE, FASA 1, SABAH TELAH SIAP**

*PR1MA terus komited untuk menyediakan rumah berkualiti untuk warga Sabah*

**BEAUFORT, SABAH, 14 OGOS** – Komitmen kukuh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke arah menyiapkan projek-projeknya di seluruh Malaysia, termasuk di negeri Sabah, akan terus menjadi fokus utama dalam usaha membina rumah dan komuniti yang kondusif untuk rakyat Malaysia. Salah satu daripada projek kediaman PR1MA di Sabah iaitu Residensi Woodford Estate Fasa 1 telah menerima Sijil Menduduki (OC) pada 20 Februari 2023.

Residensi Woodford Estate Fasa 1 yang dibina oleh kontraktor lantikan PR1MA, Gaya Belian Sdn Bhd ini terdiri daripada 300 unit rumah teres dengan keluasan antara 1,084 hingga 1,134 kaki persegi serta dilengkapi kemudahan seperti dewan serbaguna, taska, tadika dan surau.

PR1MA telah mengeluarkan notis Milikan Kosong (VP) kepada semua pembeli pada Mei lalu. Selanjutnya, proses penyerahan kunci kepada pembeli residensi ini telah dimulakan dan sehingga kini seramai 219 pembeli telah menerima kunci mereka. Setakat 3 Ogos 2023, sebanyak 30 unit kediaman residensi ini telah dihuni.

Menurut YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), “Penyelesaian projek ini adalah hasil kerjasama PR1MA dan Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai di bawah KPKT, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak-pihak berkepentingan lain”.

“Bagi langkah ke hadapan, hala tuju pembinaan projek ini bagi Fasa 2 akan ditentukan semula dengan mengambil kira faktor keupayaan kontraktor baru yang akan dilantik, kaedah pelantikan kontraktor yang dibuat menerusi kaedah tender terbuka dan mengutamakan kebijakan pembeli. Oleh itu, langkah-langkah yang akan diambil bagi memberi laluan terhadap penetapan hala tuju baru adalah dengan memuktamadkan Perjanjian Penamatan Bersama dengan kontraktor asal, memajukan permohonan pembatalan lesen pemajuan projek dan menamatkan Perjanjian Jual Beli (SPA) dengan 81 orang pembeli sedia ada.”

“KPKT menerusi PR1MA tetap komited dalam memastikan rakyat mendapat rumah yang diidamkan secepat mungkin. Sasaran kita adalah bagi memastikan seramai mungkin rakyat memiliki rumah berkualiti dengan nilai yang berpatutan”, tambah YB Tuan Haji Akmal Nasrullah lagi.

Sebagaimana yang termaktub di dalam Perjanjian Jual Beli (SPA), para pembeli dilindungi di bawah Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) selama dua tahun. Seramai 204 pembeli juga akan menerima Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bernilai RM3.4 juta disebabkan kelewatan penyiapan projek Residensi Woodford Estate Fasa 1 ini.

YBhg Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA pula berkata, "Selain Residensi Woodford Estate Fasa 1 ini, PR1MA juga mempunyai lima (5) lagi projek kediaman lain di negeri ini yang telah disiapkan iaitu Residensi Kota Marudu, Residensi Borneo Cove, Residensi Selatan Kinarut Fasa 1, Residensi Selatan Kinarut Fasa 2, dan Residensi Ranggu. Manakala, 3 projek kediaman lain iaitu Residensi Woodford Estate Fasa 2, Residensi Menggatal dan Residensi Elopura masih dalam proses pembinaan. Kesemua projek kediaman ini menyumbang kepada jumlah keseluruhan sebanyak 5,731 unit".

"Dengan kepercayaan dan sokongan daripada KPKT, Kerajaan Negeri, PBT, agensi-agensi teknikal berkaitan, serta para pembeli, PR1MA yakin projek-projek kami di seluruh Malaysia akan dapat disiapkan sebelum penghujung 2024", ujar beliau lagi.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

#### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

**PR1MA**

Khairul Faizi Dala'il (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)